

15/07/1998

Langkawi

Wan Jailani Razak

SEBAIK saja tiba di pulau Langkawi menerusi Jeti Kuah, pelawat seharusnya tidak melepaskan peluang singgah di Legenda Langkawi Dalam Taman yang letaknya kira-kira 400 meter dari jeti berkenaan sebelum melangkah lebih jauh.

Ini kerana taman berkonsep lawatan setempat yang dibina di atas tanah tebus guna dan letaknya di tepi laut menyingkap kembali mitos yang menjadi teras kemasyhuran Langkawi menerusi reka bentuk arca dan binaannya.

Taman seluas kira-kira 20 hektar yang membabitkan kos RM37 juta itu dihiaskan dengan lanskap yang indah dengan empat tasik, sebuah lagun dan pantai.

Sesuai dengan konsep pembinaan Legenda Langkawi Dalam Taman, reka bentuk lanskap yang dibuat berasaskan kepada kehidupan semula jadi yang aman dan damai.

Pemilihan pokok tertumpu kepada semua jenis pokok tempatan dan tumbuhan nadir. Ada juga pokok hutan yang ditanam terutama di kawasan 'Woodland'. Pemilihan pokok juga dibuat berasaskan kepada fungsinya seperti tempat berteduh, pagar dan penutup bumi.

Menurut pemandu pelancong, Zamzuri Ramli, sirih junjung dan bunga telur gergasi di hadapan pintu masuk taman itu dibina sebagai simbol untuk mengalu-alukan kunjungan pelawat ke taman itu.

Beberapa pintu gerbang pula dibina dengan menarik untuk menunjukkan kawasan atau cerita.

Legenda Langkawi Dalam Taman adalah sebuah taman diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dibuka kepada umum pada 27 April 1996 selepas pembinaannya siap dalam tempoh dua tahun.

Antara paparan di taman itu ialah Galeri Perayaan, Tamatnya Sumpah, Sumpah Tujuh Keturunan, Dinding Warita Mahsuri, Tombak Pandak Mayah, Garuda dan Jentayu, Padang Gaong Bukit Hantu, Telaga Tujoh, Dayang Bunting, Belanga Pecah dan Kuah, Bukit Tinjau, Gergasi Bertarung, Ayer Hangat dan Kisab, Tanjung Cinchin, Laluan Hujan-Hujan, Banjaran Gondwana dan Plaza Sambutan.

Memetik cerita mengenai Tombak Pandak Mayah, misalnya, pelbagai jenis senjata digunakan untuk membunuh Mahsuri tetapi rupawan itu akhirnya mati di hujung mata tombak ayahnya. Darah berwarna putih mengalir daripada tubuh Mahsuri melambangkan kesuciannya.

"Menurut cerita, darah putih Mahsuri memancut ke atas laksana payung terbuka serta tidak mencecah bumi.

"Dengan kematian Mahsuri, bermulalah sumpahan keramat, zaman kesengsaraan Langkawi selama tujuh keturunan berturut-turut," kata Zamzuri.

Peristiwa hukuman mati Mahsuri jelas terpahat dalam sejarah Pulau Langkawi yang kini melangkahi dua abad. Bagaimanapun, adakah kesengsaraan dan kemudaratan hidup yang melanda penduduk Langkawi selepas itu hanya kebetulan?

Persoalannya, apakah sumpahan Mahsuri benar-benar berlaku? Jika benar, adakah sumpahan yang berlarutan tujuh keturunan itu sudah tamat atau adakah ia hanya dongeng semata-mata.

Bagaimanapun, penemuan keturunan Mahsuri ketujuh memperkuat lagi kepercayaan berzaman ini bahawa Mahsuri memang wujud dan sumpahan itu sudah tamat. Ia adalah suatu era baru bagi Langkawi yang kini pesat membangun.

Hari ini, kunjungan tetamu kehormat dan pelancong ke Langkawi seolah-olah kunjungan yang dibuat raja dan bangsawan dulu kala yang datang dari seluruh rantau dunia untuk menyaksikan keindahan dan kebangkitan Langkawi.

Yang pasti, keistimewaan Langkawi dari segi legendanya telah menjadi tarikan umum tetapi sejarah perkembangan alam semulajadinya yang menakjubkan masih belum diketahui ramai.

Sehubungan itu, promosi mengenai Legenda Langkawi Dalam Taman perlu diperhebatkan bagi menjadikan pulau ini antara destinasi pelancongan menarik di rantau ini.

(END)